

17/01/1997

Projek Bandar MEC berjalan lancar

Shariffudin Mohamed

MENTERI Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob kagum dengan kelancaran projek Bandar MEC (Malaysian Electric Corporation) kerana kerja meratakan tanah dan pembinaan bangunan pengeluaran tertentu boleh disiapkan dalam tempoh beberapa bulan.

Beliau berkata, projek bernilai RM4 bilion itu yang dijangka menjadi pusat pengeluaran peralatan elektrik nasional, tidak mengalami masalah walaupun sekarang musim tengkujuh.

"Melihat kelancaran projek itu dilaksanakan, saya percaya pusat pengeluaran utama dijangka siap lebih awal berbanding jadualnya atau kurang daripada lima tahun."

"Saya sudah mengarahkan semua ketua jabatan kerajaan memberi kerjasama sepenuhnya kepada MEC Bhd supaya kerja melaksanakan projek itu mendapat tumpuan 100 peratus."

"Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Ghani Sulaiman ditugaskan menjadi pengerusi penyelarasan bagi pihak kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan selama dua jam di tapak projek Bandar MEC di Gambang, 24 kilometer dari Kuantan, baru-baru ini.

Turut mengiringinya Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa, Datuk Omar Othman; Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Abdul Ghani Sulaiman; Presiden MEC Bhd, Datuk Sri Teong Teck Leng dan Timbalan Pengerusi MEC Bhd, Datuk Andrew Leong serta ketua jabatan kerajaan.

Dalam tempoh 10 tahun, Bandar MEC seluas 1,200 hektar itu akan menjadi tumpuan 24,000 pekerja.

Selain menjadi pengeluaran kira-kira 1,000 pelbagai barangan, bandar itu akan mempunyai sekolah, kawasan perumahan pekerja, masjid, pusat penyelidikan dan pembangunan dan pusat latihan kemahiran tinggi.

Mohd Khalil berkata, ketua jabatan kerajaan tidak boleh bersikap dingin dengan kelajuan projek itu dilaksanakan, malah mesti menyesuaikan diri supaya tidak ketinggalan.

"Melalui bantuan jabatan kerajaan, saya yakin Bandar MEC tidak akan mengalami masalah bekalan air dan elektrik."

"Bandar itu berdekatan dengan laluan grid kebangsaan yang menyediakan tenaga elektrik bervoltan tinggi dan loji Pengeluar Tenaga Elektrik Bebas di Paka, Terengganu," katanya.

Mengenai bekalan air, beliau berkata, pada peringkat awal dijangka mencukupi tetapi dalam perancangan jangka panjang, Sungai Lepar akan menjadi sumber air bagi Bandar MEC.

Menteri Besar berkata, laporan kemajuan pembinaan Bandar MEC itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad yang bertanggungjawab mengilhamkan projek itu.

(END)